

Pengusaha bas kekurangan pemandu muda, berkemahiran

Khidmat warga emas masih diguna walaupun berdepan risiko ketika bawa penumpang

Oleh Fahmy A Rosli dan
Nor Fazlina Abdul Rahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindak balas atau refleks lebih perlahan, kemerosotan penglihatan dan pendengaran serta letih dengan cepat, antara yang sering dikaitkan dengan rata-rata pemandu bas dari kalangan warga emas.

Lebih membimbangkan, golongan itu juga berpotensi menghadapi masalah kesihatan seperti darah tinggi, diabetes atau serangan jantung secara tiba-tiba ketika memandu, termasuk ketika membawa penumpang.

Mendedahkan demikian, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata ciri-ciri berkenaan secara umumnya berlaku seiring dengan peningkatan usia.

“Dari perspektif kecekapan dan keselamatan, umur paling sesuai untuk memandu bas secara aktif adalah sekitar 30 hingga 55 tahun kerana pada peringkat ini, individu biasanya memiliki keseimbangan antara pengalaman dan kekuatan fizikal.

“Pemandu usia lebih 60 tahun masih boleh dibenarkan memandu, tetapi mestilah melalui penilaian berkala dari segi kesihatan, refleks serta prestasi keseluruhan. Keselamatan penumpang dan pengguna jalan raya lain tidak boleh dikompromi,” katanya kepada BH.

Sekiranya mereka yang sudah berusia emas dibenarkan terus memandu bas, Teik Hua mencadangkan golongan itu diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan, khususnya bagi yang berusia 60 tahun ke atas.

Selain pemeriksaan kesihatan, beliau mengesyorkan prosedur penilaian kognitif dan refleks turut dijalani golongan itu.

Sementara itu, katanya, kerajaan perlu merangka pelan jangka panjang untuk menarik lebih ramai orang muda memilih kerjaya sebagai pemandu bas, terutama bas ekspres dan persiaran melalui insentif latihan lesen Lesen Kenderaan Pengangkutan



Gambar fail anggota JPJ memeriksa bas persiaran bagi memastikan keselamatan penumpang terjamin.

Awam (PSV).

“Selain itu, boleh pertimbangkan skim subsidi atau jaminan kerjaya lebih stabil. Dengan gabungan dasar menyeluruh, keselamatan dan keberkesanan sistem pengangkutan awam dapat dipertingkatkan tanpa mengetepikan sumbangan pemandu berusia yang masih berdaya saing,” katanya.

Kekurangan pemandu mahir

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Pengusaha Bas Bumiputera Malaysia (PPBBM), Zainal Abidin Mehat, memberitahu BH, lebih 1,000 pengusaha bas di seluruh negara kini berdepan masalah kekurangan pemandu bas berkemahiran yang kritikal.

Beliau mendedahkan, sekitar 60 peratus pemandu sedia ada,

termasuk yang mengendalikan bas persiaran dan bas ekspres sudah berusia 50 hingga 70 tahun berikutan kesukaran pengusaha perkhidmatan itu mendapatkan pemandu lebih muda.

“Syarikat sukar mendapatkan khidmat pemandu lebih muda sebagai ganti apabila pemandu sudah berusia tidak lagi berkhidmat. Jumlah pemandu bas, termasuk persiaran dan ekspres sekarang tidak sampai 2,000, sedangkan keperluan sebenar sekitar 5,000 orang.

“Isu ini menyebabkan ada pe-

ngusaha bas terpaksa menggunakan khidmat pemandu bas sambilan kerana mereka ada lesen (PSV), namun tiada pengalaman terutama membabitkan perjalanan jarak jauh,” katanya.

Zainal Abidin menambah, pelbagai inisiatif sudah dilakukan pihak syarikat untuk menarik orang ramai terutama golongan muda bekerja sebagai pemandu bas, namun sambutan yang diterima sangat mendukacitakan.

“Orang muda lebih memilih jadi pemandu e-hailing seperti Grab berbanding pemandu bas. Disebabkan sukar untuk cari

pengganti, pengusaha terpaksa terus menggajikan pemandu sedia ada walaupun ada sudah bergelar warga emas.

“Ada dalam kalangan mereka berusia 70 tahun, namun masih memandu bas. Pengusaha juga terpaksa guna khidmat pemandu bas sambilan, terutama pada musim tertentu, termasuk pemandu lori kerana mereka ada PSV.

“Hakikatnya mereka tiada pengalaman pun memandu bas atau hanya beberapa kali pernah membawa bas. Khidmat mereka kebanyakannya digunakan ketika waktu puncak yang membabitkan perjalanan bas yang banyak,” katanya.

Golongan muda tak minat

Katanya, walaupun gaji bulanan pemandu bas sekitar RM2,000 hingga RM5,000, golongan muda masih tidak berminat memilih kerjaya itu kerana mungkin menganggap ia memerlukan mereka bekerja teruk, selain bukan kerjaya popular.

“Masalah ini bukan berlaku dalam kalangan syarikat bas yang kecil sahaja, sebaliknya syarikat besar juga,” katanya menambah isu kekurangan pemandu bas sudah diketengahkan kepada kerajaan, namun belum dapat diselesaikan.

Sebelum ini, beliau berkata, pihaknya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya kekosongan dibuka kepada warga asing terutama Indonesia yang berminat menjadi pemandu bas, sebagaimana dilakukan negara lain.

“Namun, cadangan itu ditolak atas alasan tertentu. Justeru, dengan kekangan yang masih berlarutan ini, kami memohon pertimbangan pihak kerajaan mengkaji semula cadangan itu.

“Ini kerana kita memerlukan pemandu bas berkemahiran dan berkualiti terutama golongan muda demi keselamatan penumpang serta kelancaran operasi perkhidmatan pengangkutan awam ini,” katanya.



“Dari perspektif kecekapan dan keselamatan, umur paling sesuai untuk memandu bas secara aktif adalah sekitar 30 hingga 55 tahun kerana pada peringkat ini, individu biasanya memiliki keseimbangan antara pengalaman dan kekuatan fizikal”

Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya, UPM



“Syarikat sukar mendapatkan khidmat pemandu lebih muda sebagai ganti apabila pemandu sudah berusia tidak lagi berkhidmat. Jumlah pemandu bas, termasuk persiaran dan ekspres sekarang tidak sampai 2,000”

Zainal Abidin Mehat,
Pengerusi PPBBM